

Najib larang campur tangan urusan 1MDB

BH - 8/6/2022 v/s 18

Ahmad Husni beritahu pernah pertikai keputusan pelaburan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, memberitahu Mahkamah Tinggi semalam, Datuk Seri Najib Razak melarangnya daripada membabitkan diri dan campur tangan dalam (urusan) syarikat pelaburan strategik negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ahmad Husni berkata, Najib berkata demikian ketika beliau berjumpa bekas Perdana Menteri itu di pejabatnya pada penghujung 2009 bagi menyuarakan kebimbangan mengenai pelaburan usaha sama 1MDB dan syarikat perkhidmatan serta pengeluaran minyak, PetroSaudi International Ltd (PSI).

“Selepas penubuhan 1MDB, saya mendapat maklumat daripada pegawai di Kementerian Kewangan yang menyatakan 1MDB ada membuat pelaburan

usaha sama dengan syarikat Petrosaudi. Saya kemudian pergi bertemu semula dengan PM di pejabat beliau pada penghujung 2009.

“Saya menyatakan kepadanya; “1MDB tidak sepatutnya membuat pelaburan usaha sama dengan Petrosaudi kerana syarikat ini masih dalam proses mencari gali minyak. Jadi sekiranya minyak tidak ditemui, pelaburan itu akan hangus.”

“Saya juga menyatakan; “1MDB tiada pengalaman dalam bidang itu dan sepatutnya diserahkan kepada Petronas” tetapi beliau menyatakan: “Husni, *i don't want you to get involve and interfere about 1MDB*” (Husni, saya tidak mahu kamu membabitkan diri dan masuk campur dalam (urusan) 1MDB.”

“Selepas itu, saya tidak ada menjawab apa-apa lagi,” katanya.

Ahmad Husni berkata, sejak itu beliau tidak langsung dibabitkan untuk apa-apa keputusan atau dimaklumkan mengenai pelaburan 1MDB.

Terdahulu, saksi ke-20 pendakwaan itu yang membacakan pernyataan saksinya, berkata

apabila kerajaan memutuskan mengambil alih 1MDB daripada Kerajaan Negeri Terengganu melalui syarikat Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA), beliau bertemu Najib yang juga Menteri Kewangan ketika itu pada pertengahan 2009 untuk memberitahunya bahawa 1MDB tidak sepatutnya ditubuhkan tanpa ‘feasibility study’ (kajian kebolehlaksanaan).

Ahmad Husni berkata, kajian itu untuk membuat penilaian secara praktikal bagi cadangan sesuatu projek dan risiko dari segi perniagaan serta

kewangan di mana ia sangat penting bagi memastikan pelaburan syarikat menguntungkan kerajaan.

Katanya, bagaimanapun Najib berkata beliau akan teruskan (dengan penubuhan 1MDB).

“Jadi, selepas dia jawab begitu, saya tidak komen apa-apa lagi,” katanya.

Mahkamah sebelum ini diberitahu, melalui kerjasama 1MDB-PSI, 1MDB menyuntik dana berjumlah AS\$1 bilion sebagai modal permulaan yang dibayar secara tunai.

Syarikat PSI pula melabur me-

nerusi aset bernilai AS\$2 bilion dengan PSI dan 1MDB bersetuju memberikan diskaun pada nilai AS\$1.5 bilion.

Perjanjian usaha sama itu meninggalkan hutang berjumlah AS\$700 juta berpunca daripada pindahan dana yang dibuat 1MDB kepada Good Star Ltd, iaitu syarikat yang dikatakan milik ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali dengan nama Jho Low.

Sementara itu, Ahmad Husni berkata, pada awal 2015, Najib memanggilnya untuk membantu menyelesaikan masalah 1MDB yang dibebani hutang tinggi, bagaimanapun beliau tidak setuju mengambil tugas itu kerana tidak pernah terbabit dengan urusan syarikat berkenaan.

Apabila didesak Najib untuk mengambil tugas itu, Ahmad Husni berkata, beliau bertemu Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wahid Omar, supaya mengambil alih, bagaimanapun Wahid juga tidak bersetuju menerimanya.

Katanya, beliau kemudian bersama Setiausaha Sulit Kanananya, Imran Yasin Mohd Yusof, merangka ‘Plan Rasionalisasi 1MDB’.

Perbicaraan di hadapan Hakim Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.



Ahmad Husni